

19 APR 2002

PEMBUNUHAN DI PALESTIN DAN ISRAEL PERLU DIHENTIKAN, KATA PEGAWAI AS

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Pembunuhan di Palestin dan Israel perlu dihentikan dan tentera Israel berundur serta merta dari semua wilayah yang didudukinya, kata seorang pegawai kedutaan Amerika Syarikat di sini hari ini.

"Pembunuhan perlu dihentikan dan tentera Israel berundur sebelum kedua-dua pihak memulakan rundingan damai bagi membolehkan rakyat masing-masing menikmati keamanan di negara sendiri," kata Kaunselor Hak Ehwat Awam kedutaan itu Karl Stoltz.

"Apabila kanak-kanak Palestin dan Israel saling berbunuhan, sama ada dalam operasi ketenteraan atau oleh pengebom berani mati, yang musnah adalah masa depan kedua-dua buah negara," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menutup pameran "Selepas 11 September: Imej Dari Ground Zero" di Perpustakaan Negara di sini.

Pameran yang diadakan sejak 20 Mac lepas memaparkan gambar-gambar yang dirakam oleh jurugambar Joel Meyerowitz selepas kejadian serangan di Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas.

Stoltz berkata beliau bersependapat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menakrif keganasan sebagai sebarang bentuk serangan ke atas orang awam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Zawiyah Baba berkata lebih 6,000 orang melawat pameran itu.

-- BERNAMA

HM DC MOZ